

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahd

Tarikh: 11/6/2012
Hari: JUMAT MIS: 27
Ruangan: 8 ETEM PAT

Timbang semula penubuhan JTC

SINTOK: Kerajaan akan menimbang semula cadangan penubuhan 'Jerlun Trade Centre' (JTC) yang diusulkan Koperasi Pemaju Jerlun Berhad (KPJB) dalam usaha membantu usahawan tempatan memasarkan produk mereka di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, idea itu dilihat mampu membantu usahawan tempatan menjual produk mereka dengan lebih menarik selain mempunyai perbezaan dengan produk lain dalam pasaran.

"Sebelum ini, kerajaan pernah mencadangkan untuk menubuhkan sebuah pusat perdagangan di kawasan utara yang bertujuan mengu-

ruskan import dan eksport produk tempatan ke Thailand bagi memberi peluang rakyat negara berkenaan datang sendiri ke pusat berkenaan untuk melihat produk negara kita selain produk mereka juga dipamerkan di sini.

"Jadi saya melihat idea ini juga lebih kurang sama dengan idea koperasi berkenaan dan amat baik untuk pembangunan usahawan tempatan khususnya di Jerlun dan Kedah amnya," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Wacana Ekonomi Jerlun, Peluang Ekonomi Desa, Cabaran dan Bimbingan di EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM).



CENDERAHATI... Mukhriz (kanan) menerima cenderahati daripada Pengerusi Penaja KPJB, Izhar Azimat.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Kedah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Guar Chempedak, Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail.

Kira-kira 100 usahawan tempatan di sekitar Jerlun hadir pada wacana sehari itu.

Menerusi JTC, semua produk usahawan tempatan yang dikumpul akan dibantu daripada segi pembungkusan, pemasaran dan penjualan.

Setakat ini, KPJB sudah membungkus dua produk usahawan tempatan iaitu kurma untuk Ramadan dan beg cenderamata kenduri kahwin yang berisi produk makanan tradisional.